

Newspaper	Berita Harian
Date	20/5/2011

Jangan abaikan ekonomi jelata

MINGGU ini Kunta Kinte nak cakap sikit lagi hal ekonomi. Ramai orang kata mereka tak minat ekonomi atau tak faham ekonomi. Bila tak faham, tentulah kita tak minat.

Kunta Kinte kata pandangan ini tak betul. Bukan kita tak faham ekonomi, tapi kita silap faham ekonomi. Kalau tak faham ekonomi atau tak peduli ekonomi, kita dah lama mati kebuluran atau anak bini kita minta sedekah.

Betullah ramai tak faham hal-hal besar atau rumit mengenai ekonomi. Kunta Kinte yakin ramai wakil rakyat, guru dan pegawai tinggi kerajaan pun tak faham ekonomi macam seorang ahli ekonomi.

Tapi, hakikat bahawa kita masuk sekolah, belajar, bekerja, dirikan rumah tangga, beli rumah dan bela anak bini kita dengan sebaiknya menunjukkan kita peduli kepada ekonomi.

Bekerja, beli-belah, simpan duit dalam Tabung Haji, beli saham amanah, pinjam duit MARA pergi belajar dan keluarkan duit Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk buat bayaran muka rumah semuannya kegiatan ekonomi.

Ekonomi sebenarnya mudah saja. Cuma boleh jadi kita tak ambil tahu. Kita tak tanya apa asal usul ekonomi, jadi nampaklah susah. Istilah ekonomi asal usulnya daripada bahasa Yunani (Greek) yang bermakna mengurus rumah tangga.

Jadi apa yang kita buat bila kita urus rumah tangga? Kita tentukan rumah tangga kita selamat dan sejahtera - ada sumber pendapatan atau hasil. Kita atur macam mana nak belanja. Apa nak beli, banyak mana nak simpan dan banyak mana pula kita mampu berhutang.

Itulah asal usul ilmu ekonomi yang kita guna hari-hari, tapi kita kata kita tak tahu atau tak pandai. Daripada urus rumah tangga itulah kita belajar urus perniagaan dan kerajaan.

Kunta Kinte pun tak tinggi belajar ekonomi. Tapi masa belum



belajar ekonomi pun, Kunta Kinte sudah terbabit dengan ekonomi bila tolong ayah buat di bendang, pelihara kerbau, lembu, ayam dan itik, kutip padi luruh, tahan jebak dan jual burung ciak tuli.

Sambil tunggu padi masak, Kunta Kinte tanam kacang panjang atas batas bendang guna baja tahu ayam dan jual hasil kepada peniaga sayur Cina.

Mula-mula Kunta Kinte belajar ilmu ekonomi masa Tingkatan Enam di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar. Awal-awal sekali kita belajar prinsip-prinsip ekonomi atau dalam bahasa Inggeris 'the principles of economy'.

Kita belajar apa dia ekonomi, asas-asas ekonomi, kita belajar faktor-faktor pengeluaran iaitu tanah, buruh, modal dan pengurusan.

Kemudian, pada tahun 1972 bila balik dari belajar kewartawanan dan rayau-rayau di New Zealand, Kunta Kinte dikerahkan masuk Bahagian Perkhidmatan Ekonomi Bernama (Bernama Economic Service).

Mula-mula takut juga. Maklumlah bukan tahu sangat pasal ekonomi dan tak pandai pun matematik. Lama kelamaan, Kunta Kinte pandailah juga pasal ekonomi ni adalah perkara atau pemikiran biasa (common sense).

Tapi tentulah ekonomi negara kita jadi lebih rumit dan kompleks bila lebih maju. Masa orang Melayu dalam fasa ekonomi cukup makan (subsistence economy) macam pada zaman penjajah, keadaannya memanglah mudah macam yang disebut kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Maksudnya makan dan pakai ada, tapi miskin.

Kemudian kerana pembangunan, khasnya lepas merdeka dan dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970, ekonomi orang

Melayu melonjak keluar daripada ekonomi cukup makan kepada ekonomi mata wang (monetary economy) atau ekonomi tunai (cash economy). Orang Melayu keluarkan hasil yang lebih daripada keperluan sendiri. Hasil yang berlebihan itu dijual untuk dapat wang tunai.

Daripada pertanian, orang Melayu maju sampai boleh jadi kakitangan awam, polis dan tentera. Bila DEB berjaya, orang Melayu langkah setapak lagi masuk sektor moden ekonomimacamperkhidmatan kewangan, perubatan, telekomunikasi dan banyak lagi. Ada yang berjaya jadi profesional kelas dunia dan ada yang dah kaya jadi jutawan.

Orang Melayu tambah jauh dari dunia asalnya iaitu dunia agraria. Mereka lebih maju dan lebih canggih dalam bermacam bidang, tapi pada masa sama mereka lebih terdedah kepada persaingan dan turun-naik ekonomi.

Tapi yang Kunta Kinte paling takut adalah soal keciciran orang Melayu. Ramai lagi orang Melayu yang tak berjaya dan tak mampu sertai ekonomi moden. Malah, kerana pengurangan subsidi dan kenaikan harga barang, tambah ramai yang balik kepada keadaan asal iaitu kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Hutang pula keliling pinggang.

Jadi Kunta Kinte harap sangat-sangatlah iaitu dalam kita dok ghairah nak transformasi itu dan ini, nak ikut arus globalisasi dan nak amalkan meritokrasi, kita jangan sekali-kali lupa atau terlepas pandang kelompok miskin dan melarat ini.

Kunta Kinte kata 'bravo' bila ada projek raksasa berbilion ringgit buat lebuhraya, landasan berkembar kereta api, sistem transit massa (MRT), IDR dan macam-macam lagi. Kunta Kinte sikit pun tak nafi yang projek-projek mega macam ini akan bantu pesatkan pertumbuhan ekonomi.

Tapi yang Kunta Kinte takut adalah kita terlupa atau buat-buat tak ingat kepada sektor tradisional eko-

nomi yang tak lagi glamor macam padi, ternakan, perikanan dan industri kecil tani.

Maklumlah dalam era Akademi Fantasia ni, ramai orang, termasuklah sesetengah wakil rakyat, nak jadi glamor juga. Ada yang kahwin bintang filem supaya cepat jadi glamor dan ramai yang hanya mahu terbabit dengan perkara-perkara glamor.

Dalam era ekonomi moden, tanam padi, tangkap ikan, bela ayam dan buat kerepek ubi kayu bukanlah kegiatan glamor. Tapi Kunta Kinte harap wakil rakyat, pegawai kerajaan dan perunding yang duduk di menara pencakar langit di Kuala Lumpur janganlah abaikan pesawah, nelayan, penternak dan pengusaha industri kampung.

Ingatlah, majoriti rakyat jelata dan pengundi masih di luar bandar dan pedalaman. Majoriti orang miskin pun di luar bandar dan pedalaman. Mereka tak jadi konsultan atau orang besar Pemandu, tapi mereka ada undi.

Kunta Kinte takut kebajikan mereka terabai sebab konsultan dari Boston yang bagi nasihat kepada Pemandu atau kepada Majlis Penasihat Ekonomi Negara kata kita wajib amalkan ekonomi terbuka, wajib hapuskan subsidi dan mesti amalkan meritokrasi. Kalau kebajikan mereka terabai, keselamatan dan ketenteraman negara boleh terganggu.

Jadi kita kena ingat yang ekonomi tak susah. Tugas asas ekonomi tak rumit. Yang jadi rumit adalah bila kita abaikan asas-asas pokok ekonomi dan lebih-lebih lagi bila ada orang yang manipulasikan ekonomi untuk kepentingan diri mereka atau kelompok mereka.

Jadi fikir-fikirkanlah sebelum nak ubah dasar dan pendekatan ekonomi. Tak kiralah ekonomi negara atau ekonomi rumah tangga. Kunta Kinte takut apa dihambat tak dapat. apa yang dikendong berciciran. Kita jangan jadi hamba pasaran bebas, tapi jadikan pasaran bebas hamba kita.